

# 40 pemain sertai Kejohanan

## Golf Amal UMS 2014

UB 11.9.2014 914

LABUAN: Seramai 40 pemain dijangka menyertai Kejohanan Golf Amal sempena penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang ke-20 tahun di Labuan International Golf Club (LIGS) di Kiamsam pada 13 September ini.

Menurut pengerusi penganjur kejohanan Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, pemain golf dari Sabah, Brunei, Labuan dan UMS itu bakal merebut hadiah lumayan yang terdiri daripada wang tunai, TV 48 inci, peti ais, tilam dan barangan elektrik.

Katanya, kejohanan yang julung-julung kalinya diadakan itu bertujuan untuk menambah dana bagi projek pusat penyelidikan pulau-pulau kecil di Sabah.

Selain itu, untuk membantu kebajikan pelajar UMS serta merapatkan hubungan antara pihak universiti dengan jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS berkata, kejohanan itu akan dirasmikan

oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli.

Pihak penganjur turut menjemput Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Datuk Mohd Nadzri Osman dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah untuk menyertai kejohanan tersebut.

Dijadual turut bermain ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Sharif Abdul Kadir Omang dan Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd Said.

Pihak UMS mensasarkan kutipan dana sebanyak RM30,000 hasil sumbangan ahli perniagaan, syarikat korporat dan NGO di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tiga kategori akan dipertandingkan pada kejohanan yang akan bermula pukul 7.30 pagi itu iaitu VIP, handicap 0 hingga 18 dan handicap 19 hingga 34.

Selain hadiah utama, pemain berpeluang memenangi hadiah kategori novelties iaitu bulleyes, longest drive dan nearest to the pin.